



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

DOKUMEN SEBUT HARGA UNTUK

**PEROLEHAN MEMBUAT, MEMBEKAL DAN MENGEDAR DIARI,
KALENDAR MEJA DAN *CARD HOLDER* TAHUN 2027 UNTUK
LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA**

NO. SEBUT HARGA: LJT NO. 3/2026

**ARAS 5-7, WISMA LJT, LORONG PERAK,
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR**

**PEROLEHAN MEMBUAT, MEMBEKAL DAN MENGEDAR DIARI, KALENDAR MEJA DAN CARD
HOLDER TAHUN 2027 UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA**

NO. SEBUT HARGA : 3/2026

KANDUNGAN

1.	KENYATAAN SEBUT HARGA.....	3
2.	SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN SEBUT HARGA	4
3.	CARA MENGEMUKAKAN BORANG SEBUT HARGA	11
4.	SURAT SETUJU TERIMA	13
5.	SURAT AKUAN PEMBIDA.....	13
6.	PENUTUP	13

1. KENYATAAN SEBUT HARGA

Semua penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT).

1.1 Tujuan sebut harga

i) Pelawaan sebut harga ini adalah untuk mendapatkan **PEROLEHAN MEMBUAT, MEMBEKAL DAN MENGEDAR DIARI, KALENDAR MEJA DAN CARD HOLDER TAHUN 2027 UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA.**

ii) Tawaran sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan tempoh pendaftarannya masih berkuatkuasa di bawah kod bidang:

020603 : Perabot, peralatan pejabat, hiasan dalaman dan domestik
- Bekalan Pejabat Dan Alatulis
- Organiser, Dairi, Kalendar, Buku Alamat, Resit, Memo

iii) Perolehan perkhidmatan ini dibuat secara sebut harga.

1.2 Tempoh sebut harga

i) Tempoh sebut harga bagi perkhidmatan ini adalah selama 14 hari kalendar bermula pada 3 Ogos 2026 dan tarikh tutup sebut harga adalah pada **17 Ogos 2026**. Dokumen sebut harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi LJT iaitu www.ljt.org.my.

ii) Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga LJT sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga. Cadangan sebut harga yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan.

iii) Walau bagaimanapun, LJT berhak untuk membatalkan sebut harga ini pada bila-bila masa sekiranya perlu dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atau penjelasan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak penyebut harga kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab pihak penyebut harga dan LJT ini tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

1.3 Harga Indikatif

Harga Indikatif Jabatan bagi perkhidmatan ini adalah sebanyak RM350,000.00 (termasuk 8% Cukai Perkhidmatan). Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat LJT atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit. Pihak LJT tidak menjamin bahawa penyebut harga akan dipilih dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

2. SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN SEBUT HARGA

2.1 SYARAT-SYARAT AM

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat di bawah ini apabila menyertai tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat boleh mengakibatkan tawaran tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak. Keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) adalah muktamad.

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah terpakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

i) KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baharu dan belum digunakan.

ii) PENGENALAN BARANG

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

iii) PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

iv) BARANG-BARANG SETARA

Penyebut harga boleh membuat tawaran bagi barang setara yang sesuai, dengan syarat butir-butir penuh diberi.

v) BARANG EX-STOK ATAU BARANG MALAYSIA

(a) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

(b) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penyebut harga dan segala kos yang terlibat ditanggung oleh penyebut harga.

vi) TAWARAN PENYEBUT HARGA

(a) Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

(b) Penyebut harga dibenarkan untuk menawarkan harga untuk semua zon/negeri, sebahagian zon/negeri atau satu zon/negeri sahaja jika pelawaan adalah mengikut zon/negeri. Setiap tawaran bagi setiap zon/negeri akan dianggap sebagai tawaran berasingan.

vii) **HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun, kos tambahan yang berkaitan. Sah laku tawaran adalah selama minimum sembilan puluh (90) hari dan maksimum enam (6) bulan dari tarikh tutup sebut harga. Sebarang tuntutan kenaikan harga dalam jangka masa sah laku tawaran tidak dipertimbangkan dan tawaran penyebut harga boleh ditolak.

viii) **INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

ix) **MATA WANG**

Tawaran harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

x) **PERSETUJUAN PENERIMAAN TAWARAN**

- (a) LJT tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana tawaran. LJT berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran sebut harga daripada mana-mana penyebut harga yang menyertai sebut harga.
- (b) LJT berhak untuk mengadakan perbincangan/rundingan lanjut dengan penyebut harga yang disenarai pendek berhubung dengan terma- terma tertentu untuk tawaran yang akan disetujui terima. Hak LJT untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat LJT menyetujui terima keputusan rundingan.
- (c) LJT juga berhak untuk mengadakan bidaan di kalangan penyebut harga yang disenarai pendek untuk tawaran yang akan disetujui terima.
- (d) LJT boleh, pada bila-bila masa, meminta penyebut harga untuk mengemukakan maklumat lanjut/dokumen tambahan yang diperlukan/berkaitan dengan dokumen tawaran sebut harga yang dikemukakan (sekiranya perlu).
- (e) Tindakan tatatertib boleh diambil oleh LJT terhadap penyebut harga yang menarik balik tawaran sebelum tawaran dipertimbangkan atau penyebut harga yang menolak tawaran setelah SST dikeluarkan oleh LJT atau penyebut harga tidak membekal atau memberi perkhidmatan setelah mengembalikan SST yang telah ditandatangani.

xi) **IKLAN DAN PUBLISITI**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan LJT terlebih dahulu.

xii) **BON PELAKSANAAN**

- (a) Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan, penyebut harga yang berjaya hendaklah mengembalikan SST yang telah lengkap diisi dan ditandatangani beserta Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan yang nilainya adalah seperti berikut: -
- (1) 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00; atau
 - (2) 5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.
 - (3) Bagi kontrak bermasa yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Jika setelah dibahagikan mengikut setahun, nilai harga kontrak adalah kurang daripada RM200,000.00, maka kadar 2.5% hendaklah dikenakan. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh Penyebut harga hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.
 - (4) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan sama ada dalam bentuk:
 - (i) Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
 - (ii) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
 - (iii) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
 - (iv) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau
 - (v) Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).
 - (5) Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

- (6) Bon pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yang dinyatakan dalam SST penyebut harga.

xiii) TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

xiv) PEMERIKSAAN

- (a) LJT sentiasa berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut kepada pihak LJT. LJT adalah bertanggungjawab memastikan bekalan yang diterima adalah sama/lebih baik seperti spesifikasi pada kontrak/pesanan. Jika terdapat kerosakan/kekurangan, Penyebut harga hendaklah menggantikan jumlah yang rosak/kurang itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak yang dimeterai tanpa sebarang tambahan kos.
- (b) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki oleh pihak LJT.
- (c) Semua perbelanjaan untuk memeriksa dan menguji ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga.

xv) PENOLAKAN BARANG/ PERKHIDMATAN

- (a) Bekalan/perkhidmatan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan/ perkhidmatan yang telah dipersetujui dalam tawaran penyebut harga boleh ditolak oleh pihak LJT.
- (b) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan bekalan/perkhidmatan yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada LJT segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan/perkhidmatan yang ditolak itu.
- (c) Perkara di perenggan (a) dan (b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak LJT untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

xvi) KUANTITI TAWARAN/ KUANTITI TAMBAHAN

LJT boleh memesan kuantiti tambahan dalam tempoh kontrak dari tarikh kontrak ditandatangani dan penyebut harga hendaklah membekalkannya dengan harga yang sama.

2.2 ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

Arahan kepada penyebut harga ini dalam mana mempengaruhi pelaksanaan kontrak hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak.

i) PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN CADANGAN TAWARAN

- (a) Penyebut harga hendaklah mengisi dengan lengkap cadangan tawaran termasuk mengemukakan dokumen sokongan dan lampiran wajib yang disenaraikan dalam dokumen sebut harga serta menyerahkannya ke peti sebut harga sebelum tarikh dan waktu tutup pelawaan sebut harga pada ruangan yang ditetapkan. **Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan tawaran ditolak.**
- (b) Penyebut harga adalah dilarang menulis, mencatatkan dan meletakkan cop nama dan memuatnaik tanda syarikat di dalam dokumen sokongan/lampiran pada dokumen teknikal yang dikemukakan. Sekiranya berbuat demikian, cadangan tawaran tidak akan dipertimbangkan dan akan ditolak.
- (c) Semua dokumen yang diserahkan oleh penyebut harga termasuk manual teknikal hendaklah dalam Bahasa Malaysia. Pembetulan dan pindaan boleh dibuat ke atas cadangan tawaran dan dikemaskini sebelum tarikh dan masa tutup pelawaan. Penyebut harga hanya dibenarkan menghantar SATU (1) tawaran sahaja bagi cadangan yang ditawarkan. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.
- (d) Bagi tawaran yang memerlukan penghantaran sampel produk, penyebut harga hendaklah memastikan ianya dihantar sebelum tarikh tutup.
- (e) LJT akan membuat pemberitahuan kepada penyebut harga sekiranya terdapat apa-apa notis atau pindaan (addendum) berkaitan pelawaan ini di dalam laman sesawang LJT. Setiap notis atau pindaan (addendum) yang dilakukan akan diberi notifikasi kepada Penyebut harga dan menjadi sebahagian daripada dokumen tawaran.
- (f) Penyebut harga bertanggungjawab memastikan penyerahan dokumen berjaya dibuat mengikut syarat LJT. LJT tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan Penyebut harga dalam melaksanakan penyerahan dokumen seperti yang disyaratkan oleh LJT. Sekiranya salah satu syarat tidak dipatuhi, maka cadangan tawaran sebut harga tersebut tidak akan dipertimbangkan.

ii) PERBELANJAAN PENYEDIAAN CADANGAN TAWARAN

Semua perbelanjaan bagi penyediaan cadangan tawaran ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

iii) **TEMPOH SAH LAKU TAWARAN**

Tempoh sah laku tawaran adalah selama minimum sembilan puluh (90) hari dan maksimum enam (6) bulan daripada tarikh tutup sebut harga sebagaimana yang ditetapkan dalam notis pelawaan. Penyebut harga yang telah menyerahkan cadangan tawaran tidak dibenarkan menarik diri dalam tempoh tersebut.

iv) **TAWARAN PILIHAN**

Setiap Penyebut harga tidak dibenarkan membuat tawaran pilihan (*alternative offer*) bagi mana-mana butiran yang telah dihantar. Jika terdapat tawaran pilihan, LJT berhak menolak kesemua tawaran yang dikemukakan.

v) **PEMBATALAN PELAWAAN**

LJT berhak untuk membatalkan mana-mana pelawaan yang telah diiklankan pada bila-bila masa. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak penyebut harga kerana pembatalan ini adalah menjadi tanggungjawab pihak penyebut harga.

vi) **PEMBERITAHUAN PENERIMAAN**

- (a) Pemberitahuan kepada Penyebut harga yang berjaya mendapat tawaran LJT akan dibuat melalui pengeluaran Surat Setuju Terima (SST).
- (b) Surat berkenaan mungkin mengandungi apa-apa syarat atau pindaan tambahan kepada syarat yang disertakan pada dokumen ini dan jika demikian, tawaran ini tidak boleh dianggap sebagai telah dipersetujui melainkan pengesahan bertulis daripada penyebut harga tentang persetujuannya terhadap syarat/pindaan tambahan itu diterima.
- (c) Apabila dipersetujui, kontrak dianggap sebagai telah dibuat antara LJT dengan penyebut harga itu menurut syarat yang disertakan (termasuk syarat tambahan dan pindaan) dan tiada perjanjian atau syarat lain dianggap sebagai telah dimasukkan ke dalam kontrak ini.

vii) **PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

- (a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.
- (b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

- (c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Penyebut harga atau Penyebut harga boleh diambil tindakan sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta SPRM 2009.
- (d) Mana-mana Penyebut harga atau Penyebut harga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini, walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi, dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

viii) **INTEGRITI DALAM PEROLEHAN LJT**

- (a) Perkara ini adalah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan melalui PP/PK 1.6: Integriti Dalam Perolehan Kerajaan.
- (b) Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida (nama penandatangan akuan hendaklah seperti mana yang disenaraikan sijil SSM) yang mengandungi pengakuan bahawa :
 - (1) Penyebut harga tidak akan menawarkan atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
 - (2) Kesemua maklumat tawaran dan lampiran yang dikemukakan adalah benar dan tepat.
 - (3) Sekiranya penyebut harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (*withhold*) atau tidak memberikan mana- mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tawarannya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.
 - (4) Penyebut harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak LJT juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak.

ix) **PERINGATAN MENGENAI PAKATAN HARGA**

Sekiranya didapati penyebut harga terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatan kontrak dan lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

x) **PERTANYAAN**

Pertanyaan Mengenai Pelawaan Sebut Harga

Semua pertanyaan mengenai pelawaan hendaklah disalurkan kepada Urus Setia Sebut sebut harga seperti berikut:

Nama Pegawai : Puan Norzailinda Binti Zainal Abidin
No. Tel. : 03-41085191
No. Faks : 03-41085178
E-mel : linda.za@ljt.org.my

Sebarang pertanyaan selepas tarikh tutup sebut harga tidak akan dilayan.

3. CARA MENGEMUKAKAN BORANG SEBUT HARGA

3.1 Semua borang hendaklah diisi dengan lengkap dan tepat seperti yang ditentukan dan ditaip/dicetak dengan kemas dan terang. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, Penyebut harga dibenarkan menaip/mencetak maklumat-maklumat itu di dalam kertas tambahan dan mestilah ditandatangani oleh penyebut harga. Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam borang hendaklah ditandatangani ringkas oleh penyebut harga dan diberi tarikh sebenar.

3.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga


- i) Dokumen sebut harga hendaklah mengikut susunan perkara-perkara di **Senarai Semak Dokumen Cadangan Teknikal (Lampiran 1)** dan **Senarai Semak Dokumen Cadangan Kewangan (Lampiran 2)**.
- ii) **Dokumen Cadangan Teknikal** dan **Dokumen Cadangan Kewangan** termasuk dokumen sokongan berkaitan hendaklah disediakan dalam **DUA (2) SAMPUL BERLAKRI (SEALED) YANG BERASINGAN**.
- iii) Pembekal hendaklah mengemukakan **TIGA (3)** salinan bagi kedua-dua dokumen di atas. **Satu (1)** salinan hendaklah ditandakan '**ASAL**' dan **dua (2)** salinan hendaklah ditandakan '**SALINAN**'.
- iv) Setiap cadangan sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat/bungkusan berlakri (*sealed*) dan ditandakan pada bahagian atas sampul/bungkusan itu seperti berikut:

**SEBUT HARGA LJT NO. 3 / 2026
CADANGAN KEWANGAN SEBUT HARGA**

DAN

**SEBUT HARGA LJT NO. 3 / 2026
CADANGAN TEKNIKAL SEBUT HARGA**

- v) Kedua-dua sampul tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlainan yang **BERLAKRI** dan **DITANDAKAN** di bahagian atas sampul surat itu dengan :



- vi) Semua dokumen sebut harga yang telah siap dan lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada:
- Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah Malaysia
Aras 5-7, Wisma LJT,
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur**
- vii) Pembekal hendaklah menyerahkan tawaran sebut harga kepada LJT secara serahan **manual** dengan tangan ke Peti Sebut Harga yang disediakan pada atau sebelum masa yang ditetapkan.
- viii) LJT tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier. Walau apa pun alasan yang diberikan, sebarang sebut harga yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- ix) Diingatkan bahawa penyebut harga adalah **DILARANG** menulis, mencatatkan dan meletakkan cop nama dan memuat naik tanda syarikat di dalam dokumen sokongan/lampiran pada dokumen teknikal yang dikemukakan secara dalam talian (seperti nama, alamat, logo, slogan dan yang lain-lain). Sekiranya berbuat demikian, cadangan tawaran tidak akan dipertimbangkan dan akan **DITOLAK**.

4. SURAT SETUJU TERIMA

- 4.1** Penyebut harga yang berjaya akan dimaklumkan melalui Surat Setuju Terima (SST). Penyebut harga yang berjaya adalah terikat dengan tempoh dan skop perkhidmatan yang telah ditetapkan di dalam Surat Setuju Terima yang akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak.
- 4.2** Tempoh penyerahan semula SST yang telah ditandatangani oleh penyebut harga adalah tidak melebihi empat belas (14) hari kalendar selepas penerimaan SST oleh penyebut harga. Kegagalan penyebut harga menyerah kembali SST yang telah ditandatangani dalam tempoh empat belas (14) hari boleh mengakibatkan pembatalan SST oleh LJT.

5. SURAT AKUAN PEMBIDA

Penyebut harga hendaklah mengisi Surat Akuan Pembida seperti di **Lampiran 9**.

6. PENUTUP

Penyebut harga dinasihatkan membaca dengan teliti dokumen ini dalam menyediakan tawaran bagi memastikan maklumat yang perlu diisi adalah lengkap.

LAMPIRAN 1- SENARAI SEMAK DOKUMEN CADANGAN TEKNIKAL

PEROLEHAN MEMBUAT, MEMBEKAL DAN MENGEDAR DIARI, KALENDAR MEJA DAN CARD HOLDER TAHUN 2027 UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA SEBUT HARGA LJT NO. 3/2026

Sila tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

BIL.	BUTIRAN	UNTUK DITANDA OLEH PENYEBUT HARGA	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1	Dokumen Cadangan Teknikal dikemukakan dalam 3 salinan. Satu salinan hendaklah ditandakan "ASAL" dan dua salinan hendaklah ditandakan "SALINAN"		
2	Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal – Lampiran 3 (salinan bercetak)		
3	Contoh/sampel diari (<i>notebook</i> dan <i>notebook with jacket</i>), kalendar meja dan <i>card holder</i> beserta isi kandungan yang dicadangkan		
4	Jadual Cadangan Pelaksanaan Pembekalan termasuk proses mengedar bekalan kepada penerima-penerima dan penyerahan dokumentasi		
5	Lain-lain maklumat atau dokumen sokongan (jika ada)		

UNTUK KEGUNAAN LJT

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil (jika ada)

Tandatangan:

Nama:
Jawatan:
Tarikh :

Tandatangan:

Nama:
Jawatan:
Tarikh :

LAMPIRAN 2- SENARAI SEMAK DOKUMEN CADANGAN KEWANGAN

PEROLEHAN MEMBUAT, MEMBEKAL DAN MENGEDAR DIARI, KALENDAR MEJA DAN CARD HOLDER TAHUN 2027 UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA SEBUT HARGA LJT NO. 3/2026

Sila tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

BIL.	BUTIRAN	UNTUK DITANDA OLEH PENYEBUT HARGA	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1	Dokumen Cadangan Kewangan dikemukakan dalam 3 salinan. Satu salinan hendaklah ditandakan "ASAL" dan dua salinan hendaklah ditandakan "SALINAN"		
2	Surat Rasmi Penyebut harga dengan keterangan nama, alamat, emel, nombor telefon dan nombor faksimili.		
3	Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan		
4	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
5	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera dari Kementerian Kewangan		
6	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi 3 bulan sebelum tarikh tutup sebut harga dan yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan		
7	Borang Penyata Bulanan Akaun Bank – Lampiran 4		
8	Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah oleh juruaudit bertauliah bagi kewangan terakhir atau jika tiada (sekurang-kurangnya 3 tahun sebelum tarikh tutup sebut harga) ATAU Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang tidak diaudit beserta borang SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT untuk tujuan penyerahan penyata kewangan tidak beraudit bagi syarikat berstatus Registration of Business (ROB) dan mana-mana syarikat yang diberi pengecualian di bawah Akta Syarikat 2016 seperti dalam Lampiran 5 .		
9	Sijil Pematuhan Cukai (TCC)		
10	Borang Akuan Sebut Harga – Lampiran 6		
11	Jadual Tawaran Harga – Lampiran 7		

LAMPIRAN 2- SENARAI SEMAK DOKUMEN CADANGAN KEWANGAN

BIL.	BUTIRAN	UNTUK DITANDA OLEH PENYEBUT HARGA	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
12	Borang Soal Selidik Syarikat - – Lampiran 8		
	Rekod pengalaman; ➔ Lengkapi butiran pada bahagian Nama Agensi/Tajuk Kontrak/ No. SST/ Kontrak/Tarikh Berkuat Kuasa/ Tarikh Tamat dan Catatan		
	Senarai Kontrak Semasa; ➔ Lengkapi butiran pada bahagian Nama Agensi/Tajuk Kontrak/ No. SST/ Kontrak/Tarikh Berkuat Kuasa/ Tarikh Tamat dan Catatan		
13	Surat Akuan Pembida – Lampiran 9		

PENGESAHAN OLEH PEMBEKAL	UNTUK KEGUNAAN LJT
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen SEBUT HARGA. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	Jawatankuasa Pembuka SEBUT HARGA mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil (jika ada) Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:

LAMPIRAN 3 - JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

PEROLEHAN MEMBUAT, MEMBEKAL DAN MENGEDAR DIARI, KALENDAR MEJA DAN CARD HOLDER TAHUN 2027 UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

SEBUT HARGA LJT NO. 3/2026

1. Dokumen ini wajib diisi jika berkaitan dan ditaip dengan kemas.
2. Segala maklumat yang terdapat di dalam Dokumen ini akan dianggap sebagai spesifikasi yang akan ditawarkan oleh Pembekal untuk tujuan sebut harga.
3. Segala maklumat yang tercatat di dalam Dokumen ini akan digunakan untuk tujuan penilaian teknikal.
4. Mana-mana bahagian di dalam dokumen ini yang tidak jelas, maklumat tidak mencukupi, tiada maklumat sokongan seperti brosur atau dokumen sokongan (*supporting document*) dan berlaku ketidakseragaman maklumat maka dokumen ini dianggap tidak lengkap dan ianya tidak akan dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal.

BIL.	PERKARA	SPESIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CATATAN
1	Notebook Diary - 6,500 unit			
a)	Kulit			
i.	Bahan	<i>Soft Touch Thermo PU Cover (wrapped with 1000-gsm chipboard with Silver Hot Stamping Logo & Company Name)</i>		
ii.	Saiz	Lebar (Tutup = 150mm, Buka = 320mm, 'Spine' = 20mm), Tinggi = 216mm		
iii.	Warna	Biru		
iv.	Tema Grafik	<i>'Surveying Works Enviroment'</i>		
v.	Aksesori	- <i>Pocket at the back</i> - <i>Elastic Pen Holder</i> - <i>Bookmark Ribbon</i>		
b)	Isi Kandungan			
vi.	Jenis Kertas	- 222 mukasurat cetakan 1 warna menggunakan kertas 80-gsm cream paper - 34 mukasurat berwarna menggunakan kertas 80-gsm cream paper - 2 mukasurat berwarna kertas 128-gsm art paper		
vii.	Saiz	Lebar = 148mm x Tinggi = 212mm		
viii.	Kekemasan	<i>Perfect bind berjahit</i>		

LAMPIRAN 3 - JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

BIL.	PERKARA	SPESIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CATATAN
ix.	**Maklumat Bercetak	- Tajuk - Ahli Lembaga - Personal Memoranda - Carta Organisasi LJT - Objektif, Visi & Misi LJT - Kalender 2027 - Direktori Juruukur Tanah Berlesen & Berdaftar - Direktori Organisasi Berkaitan Dengan LJT - Pegawai Kanan JUPEM - Pengarah Ukur Negeri - Scale of Fees - Planner - Cuti Umum/Cuti Negeri/Cuti Sekolah tahun 2027 - Kalender 2025, 2026 & 2028 (Di bahagian belakang)		
2	Notebook inside Jacket with Zip & Handle - 1,000 unit			
i.	Bahan	<i>Soft Touch Thermo PU Cover with Sponge (wrapped with 1000-gsm chipboard)</i> <i>Silver Hot Stamping Logo and Company Name</i>		
ii.	Saiz	Lebar (Tutup = 180mm, Buka = 395mm, 'Spine' = 35mm), Tinggi = 250mm		
iii.	Warna	Biru		
iv.	Tema Grafik	<i>'Surveying Works Enviroment'</i>		
v.	Aksesori	- <i>Multiple Pockets for Notebook Diary & Business Card</i> - <i>Pen Holder</i> - <i>Zip</i> - <i>Handle</i>		
vi.	Isi Kandungan	<i>Notebook Diary</i> (seperti spesifikasi di atas)		
3	Kalendar Meja - 7,500 unit			
i.	Bahan untuk 'Stand'	1000 gsm <i>chipboard</i> dengan 1 cetakan warna		
i.	Saiz	Saiz 'Stand' : 180mm(h) x 245mm(w) Saiz 'Text' : 175mm(h) x 245mm(w)		
ii.	Jenis Kertas	30 mukasurat dengan 260-gsm art card berwarna 1 side UV/Glossy		
iii.	Binding	"Wire 0"		
iv.	Warna	Warna Logo LJT		

LAMPIRAN 3 - JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

BIL.	PERKARA	SPESIFIKASI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CATATAN
v.	Gambar dan reka bentuk	Pembekal dikehendaki mengemukakan gambar yang menarik dan bersesuaian dengan LJT semasa mengemukakan sebut harga. Tahun, Nama, logo beserta 'tagline' LJT di muka depan kalendar.		
vi.	**Maklumat Bercetak	Bulan Masihi, Bulan Islam, Cuti Umum, Cuti Negeri-Negeri, Cuti Sekolah dan Hari Istimewa LJT		
4	Card Holder - 1,000 unit			
i.	Bahan	<i>Soft Touch Thermo PU Cover with Silver Hot Stamping logo at the right edge bottom</i>		
ii.	Saiz	Lebar (Buka) = 151mm, Tinggi = 108mm		
iii.	Warna	Biru		
iv.	Reka bentuk	Pembekal dikehendaki mengemukakan contoh reka bentuk yang menarik dan bersesuaian semasa mengemukakan sebut harga		
5	Pembungkusan			
i.	Set Biasa	Kandungan: <i>Notebook Diary + Kalendar Meja</i> Kuantiti : 6,500 set Material : <i>Blue Art-Card Paper Box</i>		
ii.	Set Istimewa	Kandungan: <i>Notebook with Jacket + Kalendar Meja + 'Card Holder'</i> Kuantiti : 1,000 set Material : <i>Blue Corrugated Box</i>		
6	Penghantaran			
i.	Kakitangan LJT	Pejabat LJT (Aras 5)		
ii.	Semua Jurukur Tanah Berlesen & Berdaftar	Sila rujuk laman sesawang Lembaga Jurukur Tanah Malaysia @ www.ljt.org.my/search-surveyors/state untuk senarai alamat Jurukur Tanah Berlesen dan berdaftar		
iii.	Lain-lain penerima	Penghantaran juga diperlukan untuk lain-lain penerima yang difikirkan perlu oleh LJT		
iv.	Tarikh	Set Istimewa : Sebelum atau lewat-lewatnya pada 20.11.2026 ke pejabat LJT Set Biasa : Sebelum atau lewat-lewatnya pada 31.12.2026		
7	Lain-lain Keperluan			
i.	Mengulang cetak	Pembekal dikehendaki mengulangcetak tambahan diari sekiranya perlu tanpa sebarang perubahan/kenaikan harga		

Nota: Perkara yang bertanda (**) **tidak wajib** disertakan semasa penyerahan sampel

LAMPIRAN 4 - BORANG PENYATA BULANAN AKAUN BANK
SEBUT HARGA LJT No.: 3/2026

SULIT
BORANG PENYATA BULANAN AKAUN BANK
(Disahkan oleh Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Maklumat di borang ini hendaklah disahkan oleh pihak Bank/Institusi Kewangan dan dilampirkan bersama-sama salinan penyata akaun bank.

Kepada : **Lembaga Jurukur Tanah**

Nama Syarikat:
<<Diisi oleh syarikat>>

Nama Bank :
<<Diisi oleh syarikat>>

Nombor Akaun:.....
<<Diisi oleh syarikat>>

Alamat Bank (Di mana akaun dibuka):
<<Diisi oleh syarikat>>

.....
.....
.....

Tarikh Penyata	Baki Akhir Bulanan (seperti dalam penyata) RM

Disahkan oleh:

.....
Tandatangan Pembekal

.....
Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak
Bank/Institusi Kewangan

Nama Pegawai:.....
.....

Nama Pegawai:.....
.....

Jawatan:

Jawatan:

No. Telefon:

No. Telefon:

Tarikh:

Tarikh:

Cop Pembekal:

Cop Bank/ Institusi
Kewangan:

Nota:

1. Borang boleh disalinkan untuk pengesahan bank/institusi kewangan berbeza.
2. Bagi pembekal yang tidak mempunyai Kemudahan Kredit, sila nyatakan TIADA pada borang ini dan masih perlu dikemukakan kepada bersama-sama sebut harga.
3. Penyebut harga/Agensi boleh mengunapakai/menerima format borang sedia ada oleh bank, tertakluk mempunyai maklumat lengkap sebagaimana yang dimohon dalam borang ini.

**LAMPIRAN 5 - SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT
SEBUT HARGA LJT No.: 3/2026**

**SULIT
SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT**

(untuk tujuan penyerahan penyata kewangan tidak beraudit bagi syarikat berstatus *Registration of Business* (ROB) dan mana-mana syarikat yang diberi pengecualian di bawah Akta Syarikat 2016)

Saya..... nombor kad pengenalan
..... yang mewakili syarikat.....
..... nombor pendaftaran.....
(*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

Penyata Kewangan Syarikat bagi tahun iaitu yang dikemukakan kepada
Lembaga Jurukur Tanah Malaysia adalah sesungguhnya benar; dan

Syarikat TIDAK membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Penyata Kewangan Syarikat.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan di atas adalah tidak benar, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan)
sebenar-benarnya diakui oleh)
.....)
.....) Tandatangan.....
di.....)
.....)
pada.....)

Di hadapan saya

.....
(Pesuruhjaya Sumpah)

Catatan:

- i- *Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii- Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.

LAMPIRAN 6 – BORANG AKUAN SEBUT HARGA

Kepada:

Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT)

Aras 5-7, Wisma LJT

Lorong Perak Pusat Bandar Melawati

53100 Kuala Lumpur

(u.p: Seksyen Pentadbiran)

Tuan,

PEROLEHAN MEMBUAT, MEMBEKAL DAN MENGEDAR DIARI, KALENDAR MEJA DAN CARD HOLDER TAHUN 2027 UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA.

NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA: LJT NO. 3 / 2026

Merujuk kepada perkara di atas dan tertakluk kepada Arahan dan Syarat-syarat Kepada Pembekal. Pihak yang bertandatangan di bawah menawarkan untuk Perolehan Membuat, Membekal Dan Mengedar Diari, Kalendar Meja Dan *Card Holder* Tahun 2027 Untuk Lembaga Jurukur Tanah Malaysia sepertimana yang terkandung dalam kontrak, bersetuju dengan spesifikasi yang dinyatakan dan pelbagai kadar yang ditetapkan oleh pihak yang bertandatangan di bawah berserta senarai harga yang disertakan bersama sebut harga.

2. Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk terikat sepertimana yang ternyata dalam Arahan dan Syarat-syarat Kepada Pembekal, spesifikasi dan jadual harga, dan bersetuju dengan harga berdasarkan kepada nilai barang secara individu yang dibekalkan dari semasa ke semasa.

3. Sebagaimana yang telah difahami, pihak tuan boleh menerima atau menolak sebut harga kami sama ada ianya lebih tinggi atau lebih rendah dari sebut harga lain atau sama. Harga dalam sebut harga ini akan sentiasa sah selama minimum selama sembilan puluh (90) hari dan maksimum selama enam (6) bulan dari tarikh tutup sebut harga.

4. Dan selanjutnya, pihak bertandatangan di bawah bersetuju sekiranya pihak tuan menerima sebut harga ini untuk menyediakan pernyataan penerimaan deposit Bon Pelaksanaan sekiranya dipohon.

5. Pihak bertandatangan di bawah pasti, selepas penelitian, dokumen yang digunakan dalam sebut harga ini adalah salinan asal seperti yang termasuk dalam cadangan sebut harga.

Tandatangan Pembekal:

Nama:

No. KP:

Jawatan:

Nama dan alamat syarikat:

Cop syarikat:

Tarikh:

Tandatangan Saksi

Nama:

No. KP:

Jawatan:

Nama dan alamat syarikat:

Cop syarikat:

Tarikh :

LAMPIRAN 7 – JADUAL TAWARAN HARGA**PEROLEHAN MEMBUAT, MEMBEKAL DAN MENGEDAR DIARI, KALENDAR MEJA DAN CARD HOLDER TAHUN 2027 UNTUK LEMBAGA
JURUKUR TANAH MALAYSIA
SEBUT HARGA LJT NO. 3/2026**

Cadangan jadual tawaran harga adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	KUANTITI (UNIT)	HARGA SEUNIT (RM)	SST (RM)	JUMLAH HARGA SEUNIT TERMASUK SST (RM)	JUMLAH HARGA TERMASUK SST MENGIKUT KUANTITI (RM)
1	<i>Notebook Diary</i>	6,500				
2	<i>Notebook inside Jacket with Zip & Handle</i>	1,000				
3	Kalendar Meja	7,500				
4	<i>Card Holder</i>	1,000				
5	Pembungkusan					
i.	Set Biasa	6,500				
ii.	Set Istimewa	1,000				
6	Penghantaran					
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)					

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Jadual Kadar Kerja ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Jadual Kadar Kerja.

Tandatangan Wakil Syarikat:

Nama dan Cop Rasmi Syarikat:

Tarikh:

**LAMPIRAN 8 - BORANG SOAL SELIDIK SYARIKAT
SEBUT HARGA LJT No.: 3/2026**

A. PROFIL SYARIKAT

Arahan: Semua butir-butir di dalam ruangan yang dinyatakan di bawah ini hendaklah dilengkapi oleh penyebut harga dengan betul dan tepat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran sebut harga ditolak dan tidak dipertimbangkan. Gunakan lampiran lain jika perlu.

Butir-butir Syarikat

1. Nama Syarikat:.....
2. No. Pendaftaran Syarikat: Tarikh Tamat:
3. No. Pendaftaran Kem. Kewangan: Tarikh Tamat:
4. Alamat Pendaftaran Syarikat:
.....
5. Alamat Surat Menyurat:
.....
6. No Telefon: No Faks:.....
7. Taraf Syarikat*: Bumiputera/ Bukan Bumiputera
8. Peratus Modal:.....% Bumiputera /% Bukan Bumiputera /% Lain-lain
9. Tempoh Sah Pengiktirafan Syarikat bumiputera:hingga
10. Jenis Syarikat*: Perseorangan: Perseorangan/ Perkongsian/ Sdn. Bhd./
Lain-lain(Nyatakan)
11. Tempoh Sah laku tawaran sebut harga :
12. Tempoh Siap Kerja :

Butir-butir Modal

1. Modal Dibenarkan : RM.....
2. Modal Dibayar : RM.....

Pemegang Saham

Senarai Pemegang-pemegang Saham / Lembaga Pengarah / Pengurusan Syarikat

Bil.	Nama/Jawatan	No. K/P	% Pegangan Warganegara
1.			
2.			
3.			

- Sila potong yang tidak berkenaan

**LAMPIRAN 8 - BORANG SOAL SELIDIK SYARIKAT
SEBUT HARGA LJT No.: 3/2026**

Struktur Pengurusan Syarikat

Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera		
2.	Bukan Bumiputera		
3.	Bukan Warganegara		

Bukan Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera		
2.	Bukan Bumiputera		
3.	Bukan Warganegara		

**LAMPIRAN 8 - BORANG SOAL SELIDIK SYARIKAT
SEBUT HARGA LJT No.: 3/2026**

B. REKOD PENGALAMAN

Pengalaman dalam melaksanakan projek seumpamanya yang berkaitan dalam 5 tahun yang lepas (sila buat ringkasan mengenai projek termasuk nilai, pelanggan untuk dihubungi dan alamat/ telefon serta jangka masa/ tahun projek seperti di bawah):-

Bil.	Nama syarikat serta lokasi	Jenis bekalan/perkhidmatan	Nilai projek (RM)	Tarikh Siap		Catatan
				Kontrak	Sebenar	

Nota:
Salinan Surat Setuju Terima dan Salinan Perakuan Siap Kerja /Perakuan Muktamad bagi setiap kerja yang disenaraikan hendaklah disertakan.

**LAMPIRAN 8 - BORANG SOAL SELIDIK SYARIKAT
SEBUT HARGA LJT No.: 3/2026**

C. SENARAI KERJA/KONTRAK SEMASA

Kerja dalam tangan atau projek yang masih dikendalikan yang melibatkan syarikat, jenis kerja, lokasi dan tarikh projek tersebut dijadualkan tamat. Ringkasan adalah seperti jadual di bawah:

Bil.	Nama syarikat serta lokasi	Jenis bekalan/perkhidmatan	Nilai projek (RM)	Tarikh Siap Kontrak	Kemajuan Kerja		Catatan
					Ikut Jadual (%)	Sebenar dicapai (%)	

Nota:

Salinan Surat Setuju Terima dan Perakuan Bayaran Interim terkini bagi setiap bagi setiap kerja yang disenaraikan hendaklah disertakan.

**LAMPIRAN 8 - BORANG SOAL SELIDIK SYARIKAT
SEBUT HARGA LJT No.: 3/2026**

Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan di atas adalah benar.

.....
(Tandatangan)

Nama :
Cop rasmi syarikat :

Tarikh :

LAMPIRAN 9 – SURAT AKUAN PEMBIDA

PEROLEHAN MEMBUAT, MEMBEKAL DAN MENGEDAR DIARI, KALENDAR MEJA DAN CARD HOLDER TAHUN 2027 UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (SEBUT HARGA LJT NO. 3/2026)

(Perlu diisi dan ditandatangani oleh penyebut harga)

Saya
No. Kad Pengenalan yang mewakili
..... Nombor Pendaftaran Syarikat

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam LJT atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pewakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga Jurukur Tanah Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sokongan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. KP: